

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	LEBIH 12,000 PENDUDUK PROTON CITY BIMBANG RISIKO PENCEMARAN
	SUMBER	BH (9 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

8

Nasional

Selasa, 9 Disember 2025 BH

Lebih 12,000 penduduk Proton City bimbang risiko pencemaran

Cadangan projek perindustrian automotif dikhuatiriancam kesihatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Tanjung Malim: Lebih 12,000 penduduk di sini, bimbang kesihatan mereka terancam pada masa depan melalui cadangan projek perindustrian automotif, berhampiran perbandaran di-tami sekarang.

Penduduk dari dua kawasan rukun tetangga iaitu Proton City dan Parcel 18, dekat sini, mendakwa projek itu yang akan dibangunkan bulan depan, terlalu hampir dengan kawasan perumahan dengan zon penampungan hanya 300 meter (m).

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Proton City, Mohlis Bandi, berkata kebimbangan utama penduduk ialah risiko pencemaran akibat beban buangan kimia, hasil industri berat itu kepada kesihatan, selepas kilang beroperasi.

"Kami dimaklumkan projek itu turut membabitkan penghasilan bateri kenderaan elektrik (EV) dan kita sendiri tidak tahu kesannya jika berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP) dalam proses pembuangan.

"Apatah lagi adanya kawasan tasik berhampiran yang kita khuatir dijadikan tempat bahan pembuangan bahan kimia nanti.

"Kalau industri mesti ada bahan buangan. Apa jaminannya bahan kimia itu tidak terbang ke



Tinjauan dari udara memaparkan antara kawasan perindustrian bakal dibina berhampiran kawasan perumahan Proton City serta pusat pendidikan tinggi dan rendah. (Foto Ahmad Usayyid/BH)

"Kami dimaklumkan projek itu turut membabitkan penghasilan bateri kenderaan elektrik (EV) dan kita sendiri tidak tahu kesannya jika berlaku pelanggaran prosedur operasi standard dalam proses pembuangan



Mohlis Bandi,
Pengerusi
KRT Proton City



udara dan masuk ke dalam air?" katanya kepada BH, di sini.

Berdasarkan maklumat, projek berkeluasan 434 hektar itu membabitkan beberapa fasa pembinaan, iaitu kemudahan asas pekerja, tapak pejabat, bengkel dan kawasan pembinaan.

Mohlis berkata, pembangunan di kawasan berkenaan kurang terancang kerana membabitkan pengubahan zon guna tanah daripada perumahan kepada perindustrian melalui pewartaan pada 30 Januari lalu.

Malah katanya, tiada sesi libat urus dibuat bersama penduduk menyebabkan mereka tidak mempunyai maklumat terperinci

mengenai pembangunan projek industri berkenaan.

"Kita terperanjat sebab perindustrian itu duduk sangat rapat dengan perumahan. Bayangkan buka pintu rumah ada kilang industri.

"Selain itu, ia juga berhampiran dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sebelah pagar universiti itu terus nampak kilang terbabit," katanya.

Tak terima makluman
Sementara itu, Pengerusi KRT Parcel 18, Jamaludin Ahmad, pula berkata penduduk tidak menentang projek pembangunan industri di kawasan kediaman.

Sebaliknya beliau berkata, makluman yang terperinci perlu disalurkan kepada penduduk secara telus supaya mereka boleh memberikan cadangan.

"Kami melihat laporan daripada perunding yang memaklumkan kira-kira 90 peratus penduduk bersetuju terhadap cadangan pembangunan perindustrian itu, namun sebaliknya kami tidak menerima sebarang makluman.

"Sepatutnya sesi libat urus perlu dilakukan secara telus kerana berdasarkan syarat, sepatutnya kelulusan bagi pembangunan terbabit dibuat secara bersyarat," katanya.

2.	TAJUK	UPSI MAHU PROJEK INDUSTRI DIBINA TAK GANGGU KAWASAN HIJAU
	SUMBER	BH (9 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

UPSI mahu projek industri dibina tak ganggu kawasan hijau

Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mahu projek industri yang dibangunkan di sekitar institusi terbabit tidak mengganggu kawasan hijau.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata walaupun UPSI melihat projek pembangunan industri secara positif bagi memberikan lebih banyak peluang pekerjaan, aspek kelestarian alam sekitar ju-

ga perlu ditekankan bagi memastikan kemampanan alam.

"Sudah tentu UPSI gembira apabila adanya projek industri dekat bandar ini kerana menyediakan peluang pekerjaan bagi anak tempatan dan pelajar universiti sendiri.

"Cuma di Tanjung Malim ini kita dikelilingi dengan keindahan sumber alam semula jadi seperti Banjaran Titiwangsa dan hutan hijau yang perlu

terus dipelihara.

"Besarnya hasrat kita supaya sebarang pembangunan tidak menyebabkan kemudahan ini terancam," katanya kepada BH, di sini.

Md Amin berkata, taburan hujan di Tanjung Malim antara yang tertinggi di negara ini, selain di Taiping dan Tanjung Malim juga ada kira-kira 20 air terjun yang menarik kedatangan orang luar.

Walaupun UPSI melihat projek pembangunan industri secara positif bagi memberikan lebih banyak peluang pekerjaan, aspek kelestarian alam sekitar juga perlu ditekankan bagi memastikan kemampanan alam



Md Amin Md Taff,
Naib Canselor UPSI

3.	TAJUK	ISLAM TUNTUT UMAT PELIHARA ALAM, BINA PERADABAN BERASASKAN RAHMAH
	SUMBER	BH (10 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (AGAMA)

Islam tuntutan umat pelihara alam, bina peradaban berasaskan rahmah



Oleh Atriz Umar
bhagama@bh.com.my

Pegawai Kanan
Jabatan Pendidikan
Masyarakat,
Pertubuhan IKRAM
Malaysia

Berabad-abad lamanya dalam keghairahan mengejar pembangunan, manusia moden memperlakukan alam seperti sesuatu yang boleh dipakai tanpa komitmen dan tanggungjawab.

Sungguh, ironi terbesar abad ini, kerosakan dilakukan sambil meyakini bahawa 'kemajuan' mampu membenarkan apa juga sebarang bentuk kerakusan kepada alam.

Aldo Leopold, pakar ekologi yang juga ahli falsafah, pernah mengingatkan manusia yang sombong: "Manusia disebut beradab ketika melihat dirinya sebagai sebahagian daripada komuniti ekologis, bukan penguasa tunggalnya".

Namun, manusia lebih suka menjadi penikmat, bukan anggota komuniti itu. Manusia mengambil hasil bumi tanpa syukur, memerah sumber alam tanpa sedar, bahawa setiap habuan digenggam ada harga perlu dibayar.

Apabila bencana seperti banjir besar melanda, tanah runtuh menelan rumah, empangan kering kontang atau sungai bertukar warna lumpur, manusia bertanya, 'mengapa alam mengamuk' sedangkan dalam diri kita sendiri lah jawapan bencana itu disembunyikan.

Setiap musibah bukan sekadar peristiwa alam. Ia adalah rosaknya sistem penyelenggara kehidupan akibat tangan manusia. Allah SWT sudah mengingatkan perkara ini secara jelas dalam al-Quran bermaksud: "Sudah jelas kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan mereka, supaya mereka kembali (ke jalan yang benar)". (Surah ar-Rum, ayat 41)

Ayat ini bukan sekadar teguran, tetapi amaran yang selama ini sering diabaikan. Segala bencana terjadi bukan semata-mata fenomena cuaca, tetapi cermin yang memantulkan sikap manusia terhadap bumi.

Hutan ditebang tanpa belas kasihan, tanah disiksa dengan pembangunan rakus, sungai diperlakukan seperti tempat pembuangan. Semua itu tanda manusia semakin lupa peranan asal mereka sebagai khalifah.

Rasulullah SAW mengajarkan betapa merawat bumi adalah sebahagian daripada iman. Baginda

bersabda bermaksud: "Sesungguhnya dunia ini hijau dan indah dan sesungguhnya Allah menjadikan kamu khalifah di atasnya. Maka Dia melihat bagaimana kamu bertindak". (HR Muslim)

Hadis ini bukan hanya sebuah pernyataan estetika, 'hijau dan indah', tetapi satu deklarasi amanah. Khalifah bermaksud penjaga, pengurus, pelindung, bukan perosak. Tetapi manusia moden memilih membutakan mata terhadap tugas asas ini.

Pelihara alam sebahagian akhlak Muslim

Dalam sejarah salafussoleh, kita temukan teladan luar biasa mengenai hubungan manusia dengan alam. Sayyidina Umar ibn al-Khattab RA pernah menegur seorang lelaki memotong pokok tanpa keperluan.

Beliau berkata: "Biarkan ia hidup kerana ia memberi manfaat kepada makhluk lain". Begitu juga dengan Sayyidina Abu Bakar RA yang berpesan kepada tenteranya ketika berperang: "Jangan kamu potong pokok kecuali yang perlu. Jangan kamu musnahkan tanaman".

Ajaran ini bukan hanya nasihat, tetapi prinsip hidup menunjukkan memelihara alam adalah sebahagian daripada akhlak seorang Muslim.

Namun hari ini, dunia seakan menuju arah bertentangan. Kita mendirikan bangunan mewah, te-

tapi membiarkan sungai mati. Kita membina jalan raya, tetapi membunuh habitat.

Kita mengukur kejayaan negara melalui pencakar langit, bukan melalui kebersihan air dan kestabilan ekologi. Kita lupa negara makmur perlu memiliki keseimbangan spiritual, mengikut prinsip *baladun toyyibatun warabbun ghofur* (negara yang baik dan mendapat keampunan Allah).

Konsep ini tidak akan hidup hanya dengan ucapan. Ia memerlukan masyarakat memahami bahawa kemakmuran sejati bermula daripada hati yang bersih dan ekosistem seimbang.

Kemakmuran itu bukan hanya pada bangunan megah, tetapi pada hutan dilindungi, sungai jernih dan masyarakat mempunyai jiwa menjaga amanah.

Di sinilah Asas Islam Rahmah (AISAR), sebuah pendekatan untuk mengembalikan kefahaman Islam adalah agama rahmah merangkumi seluruh aspek kehidupan, termasuk hubungan manusia dengan alam.

AISAR menuntut kita melihat alam sebagai ayat Tuhan yang hidup. Dalam pendekatan ini, manusia dididik untuk memahami menyakitkan bumi sama seperti menyakitkan diri sendiri kerana manusia dan alam dikaitkan satu sistem kehidupan saling bergantung.

Ia menekankan keseimbangan (mizan) yang Allah sebutkan dalam al-Quran bermaksud: "Dan langit telah Allah tinggikan, dan Dia meletakkan mizan (keseimbangan), supaya kamu tidak melampau batas dalam mizan." (Surah ar-Rahman, ayat 7-8)

Maka, tiba masanya untuk manusia melakukan muhasabah besar-besaran, bukan sekadar merenung, tetapi membetulkan langkah. Dunia tidak menunggu. Alam tidak menunggu. Kita tidak punya masa untuk terus berdebat siapa yang salah. Yang penting adalah kembali menjadi manusia memanusiaikan alam.

Jika setiap insan menyedari menjaga bumi adalah ibadah, setiap keluarga mendidik anak mencintai alam seperti mencintai diri, setiap pemimpin memahami pembangunan mesti bersifat lestari, masyarakat kembali kepada roh Islam membina peradaban berasaskan rahmah, maka kita pasti menuju ke arah *baladun toyyibatun warabbun ghofur*.

Bumi yang dipelihara adalah cerminan jiwa dan negara memulihkan alam akan diberkati Tuhan.

“Tiba masanya untuk manusia melakukan muhasabah besar-besaran, bukan sekadar merenung, tetapi membetulkan langkah. Dunia tidak menunggu. Alam tidak menunggu. Kita tidak punya masa untuk terus berdebat siapa yang salah”



4.	TAJUK	PEMBUANGAN SISA PEPEJAL TIDAK TERKAWAL CETUS BANJIR KILAT LUAR BIASA
	SUMBER	BH (11 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (KOMENTAR)

Pembuangan sisa pepejal tidak terkawal cetus banjir kilat luar biasa



Oleh Prof Madya Dr Mohd Armi Abu Samah
bhrencana@bh.com.my

Malaysia sebagai negara sedang pesat membangun, menghadapi pelbagai cabaran alam sekitar, terutama berkaitan pengurusan sisa pepejal. Isu penghasilan sampah semakin meningkat menjadi faktor penyumbang utama kepada bencana banjir kilat yang kerap melanda negara ini, terutama di bandar.

Fenomena ini bukan sahaja mengganggu kehidupan harian, malah menimbulkan kerugian ekonomi dan kesihatan serius. Oleh itu, penting untuk memahami hubungan antara penghasilan sampah dengan banjir kilat serta mencari penyelesaian berkesan.

Di Malaysia, jumlah penghasilan sampah agak membimbangkan. Menurut laporan SWCorp, pada 2024, rakyat Malaysia menjana 39,780 juta tan sampah sehari dengan purata 1.17 kilogram (kg) sisa sehari, dihasilkan setiap rakyat dan angka ini dijangka meningkat pada masa hadapan.

Masalah utama ialah sikap masyarakat masih kurang kesedaran untuk mengamalkan kitar semula. Sampah sarap, plastik dan sisa domestik sering dibuang secara tidak bertanggungjawab ke dalam longkang, sungai dan kawasan terbuka.

Apabila hujan lebat berlaku, sampah ini menghalang aliran air, menyebabkan sistem perparitan tersumbat. Keadaan ini menjadi lebih mencabar dengan pembangunan pesat yang mengurangkan kawasan tadahan air, seterusnya mencetuskan banjir kilat.

Ini menyebabkan air melimpah ke kawasan kediaman dan jalan raya dengan pantas. Sampah plastik dan sisa tidak terurai yang hanyut ke sungai boleh merosakkan ekosistem akuatik dan meningkatkan pencemaran air.

Akhir sekali, banjir kilat membawa bersama air kotor dan sampah, meningkatkan risiko penyakit bawaan air seperti demam kepialu, leptospirosis dan jangkitan kulit.

Selain itu, kerosakan infrastruktur seperti jalan raya, kenderaan dan premis perniagaan mengaki-

batkan kerugian ekonomi yang besar kepada individu dan kerajaan.

Pendekatan holistik diperlukan

Bagi menangani isu ini, pendekatan holistik melibatkan kerajaan, pihak berkepentingan dan masyarakat diperlukan. Berikut adalah beberapa langkah praktikal:

- Kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar

Pihak kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) harus melancarkan kempen kesedaran mengenai kesan buruk pembuangan sampah merata-rata. Program pendidikan di sekolah dan komuniti boleh mendidik generasi muda mengenai amalan kitar semula dan pengurusan sisa yang betul.

- Penguatkuasaan undang-undang yang ketat
- Kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang melarang pembuangan sampah di kawasan awam, longkang dan sungai dengan lebih agresif. Denda berat harus dikenakan kepada pesalah untuk mendorong masyarakat patuh undang-undang.

- Infrastruktur pengurusan sisa lebih baik
- Pembinaan lebih banyak pusat kitar semula, ke-

mudahan pelupusan sampah moden dan sistem perparitan cekap dapat mengurangkan masalah penyumbatan. Teknologi seperti perangkap sampah di longkang boleh dipasang untuk menapis sampah sebelum memasuki sungai.

- Pembabitkan komuniti dalam program kebersihan

Masyarakat setempat boleh menganjurkan aktiviti gotong-royong membersihkan longkang dan kawasan kejiranan. Inisiatif seperti 'Hari Tanpa Plastik' atau program kitar semula dengan insentif boleh menggalakkan pembabitkan aktif masyarakat.

- Inovasi dalam pengurusan sisa

Galakan penggunaan produk mesra alam dan pembangunan teknologi kitar semula dan teknologi pengkomposan secara pintar boleh mengurangkan jumlah sampah. Contohnya, kempen mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, proses sisa makanan dan menggalakkan beg boleh guna.

Kesimpulannya, kesan gabungan daripada pembuangan sampah tidak terkawal dan kejadian hujan ribut boleh membawa bencana banjir kilat dahsyat. Sampah, terutama plastik dan bahan bukan biodegradasi, bertindak sebagai penghalang utama sistem saliran semula jadi.

Hujan ribut yang membawa jumlah air banyak tidak dapat dialirkan dengan efisien lalu menyebabkan banjir kilat. Pasca banjir dan kesan buruknya terhadap kawasan terjejas dipenuhi dengan lebih banyak sampah berbanding sebelum bencana.

Sisa ini dihasilkan dari dalam dan luar rumah dibanjiri, barang-barang rosak serta makanan ditinggalkan air banjir. Situasi ini menggandakan beban pembersihan dan menunjukkan bagaimana satu isu alam sekitar iaitu sisa sampah boleh memperbesarkan impak bencana alam seperti hujan ribut dan mencipta masalah sampah lebih serius.

Masalah ini memerlukan komitmen bersama daripada semua pihak untuk dicapai. Dengan meningkatkan kesedaran, menguatkuasakan undang-undang dan membabitkan melibatkan masyarakat, kita dapat mengurangkan kesan negatif sampah terhadap alam sekitar.

Setiap individu memainkan peranan penting bagi memastikan Malaysia bebas daripada risiko banjir kilat dan menjadi negara bersih serta lestari.

Kesan gabungan daripada pembuangan sampah tidak terkawal dan kejadian hujan ribut boleh membawa bencana banjir kilat dahsyat. Sampah, terutama plastik dan bahan bukan biodegradasi, bertindak penghalang utama sistem saliran semula jadi



5.	TAJUK	PASTIKAN PEMBANGUNAN BANDAR BAHARU IKUT SPESIFIKASI ELAK JADI PUNCA BANJIR
	SUMBER	BH (11 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Pastikan pembangunan bandar baharu ikut spesifikasi elak jadi punca banjir

Mangsa banjir,
Shah Alam

Saya ingin menarik perhatian pihak berkuasa, pemaju serta masyarakat umum mengenai isu perbandaran baharu yang semakin pesat dibangunkan di pelbagai kawasan, terutama di sekitar luar Lembah Klang ketika ini.

Walaupun pembangunan ini penting untuk memenuhi permintaan perumahan dan merencanakan ekonomi, kebimbangan mengenai risiko banjir akibat perancangan tidak menyeluruh semakin kerap diluahkan penduduk.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita menyaksikan kejadian banjir kilat bukan di kawasan kediaman lama, sebaliknya di kawasan perumahan baharu, sedangkan sebelum ini tapak berkenaan tidak pernah dilanda banjir.

Hal ini menimbulkan persoalan sama ada perancangan pembangunan mematuhi sepenuhnya garis panduan ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

Peraturan ini bukan sekadar dokumen rasmi, tetapi rangka kerja penting untuk memastikan pembangunan tidak mengorbankan keselamatan penduduk.

Ada pemaju dilihat lebih menumpukan jualan dan pemasaran hartanah berbanding melakukan kajian terperinci mengenai sistem perparitan, pengaliran sungai, kualiti tanah dan topografi.

Struktur perbandaran yang padat tanpa kawasan resapan air, ditambah pula dengan kerja penambakan tanah secara agresif terutama di kawasan dikenali pasti bekas tapak lombong atau berhampiran lembangan sungai menyebabkan air hujan tidak dapat mengalir dengan lancar.

Akhirnya, kawasan rendah menjadi takungan air yang menenggelamkan kediaman setiap kali hujan lebat atau ketika musim monsun.

Dalam hal ini, PBT dan JKR diharap lebih tegas dalam memastikan pemaju patuhi sepenuhnya spesifikasi teknikal, termasuk saiz lebar saluran, kapasiti longkang, rizab sungai dan pengekalan zon hijau.

Pihak berkuasa perlu memperketat proses kelulusan EIA, bukan sekadar berdasarkan laporan di atas kertas, tetapi melalui pemeriksaan lapangan menyeluruh. Sekiranya projek gagal memenuhi piawaian, ia seharusnya ditangguhkan sehingga penambahbaikan dilakukan.

Pada masa sama, pembeli rumah juga perlu memainkan peranan penting. Ramai yang membeli kediaman berdasarkan promosi tanpa meneliti keadaan topografi kawasan.

Sebelum membeli, pembeli wajar menyemak ketinggian tanah, jarak dengan sungai atau paya, sistem perparitan sedia ada, serta rekod banjir kawasan berhampiran. Langkah ini dapat mengelakkan situasi taman perumahan menjadi seperti 'tasik' setiap kali hujan lebat.

Pembangunan yang baik bukan sekadar cantik di atas pelan, tetapi selamat dan mampan untuk diduduki. Saya berharap semua pihak mengambil isu ini dengan serius supaya perbandaran baharu tidak menjadi punca bencana pada masa hadapan.

6.	TAJUK	GAYA HIDUP SIFAR SISA TAK MUSTAHIL DICAPAI
	SUMBER	HARIAN METRO (11 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	7 (LOKAL)

Kuala Lumpur

Kedengaran macam mustahil apabila ada yang berkata dia mahu mengamalkan hidup sifar sisa.

"Mana mungkin kita dapat hidup begitu. Setiap hari kita hasilkan sampah."

Pengurusan sisa kekal sebagai antara cabaran terbesar alam sekitar hari ini dengan puluhan juta tan metrik sampah dihasilkan di peringkat global saban tahun, iaitu 10 kali ganda lebih banyak berbanding sekurum lalu," demikian menurut para penyelidik Bank Dunia.

Malaysia juga tidak terkecuali. Menurut syarikat pengurusan sisa pepejal Alam Flora Sdn Bhd, rakyat Malaysia menghasilkan sekitar 38,000 tan metrik sampah setiap hari dengan sebahagian besar dihantar ke lebih 100 tapak pelupusan sampah di seluruh negara.

Di Kuala Lumpur sahaja, kira-kira 2,500 tan metrik sampah dihasilkan setiap hari setakat Oktober tahun ini, dan jumlah itu dapat memenuhi Menara Berkembar Petronas hanya dalam tempoh seminggu.

Sifar sisa merujuk satu falsafah dan gaya hidup yang bertujuan mengurangkan penghasilan sampah oleh individu, perniagaan dan masyarakat secara amnya.

Matlamat ini berasaskan 5R, iaitu *reduce, reuse, recycle, repair and rot* (kurangkan, gunakan semula, kitar semula,baiki dan pengkomposan) bagi memastikan sampah tidak berakhir di tapak pelupusan, insinerator, lautan dan lain-lain bahagian alam sekitar.

Strategi itu yang memumpukan pada pencegahan penghasilan sisa dan bukannya pengurusan sisa di akhir kitaran hayatnya, menerima guna pendekatan holistik yang bertujuan membawa perubahan besar dalam cara bahan beredar dalam masyarakat,



Di Kuala Lumpur sahaja, kira-kira 2,500 tan metrik sampah dihasilkan setiap hari setakat Oktober tahun ini.

Gaya hidup sifar sisa tak mustahil dicapai

Penggunaan beg guna semula, bawa botol air sendiri ke sekolah jadi permulaan yang baik

dan akhirnya ke arah penghapusan sisa sepenuhnya.

Bagi guru Bahasa Inggeris, Muhammad Asyraf Abdullah, 32, matlamat sifar sisa boleh dicapai selagi seseorang itu berusaha untuk mengamalkannya.

Baginya, untuk permulaan sudah memadai jika orang ramai sekurang-kurangnya membawa beg guna semula ketika membeli-belah atau membawa botol air sendiri ke sekolah.

"Kebanyakan kita tahu caranya, tetapi kita memberi pelbagai alasan seperti sibuk atau malas, kerana kita menganggap tindakan itu akan mengambil lebih banyak masa kita.

"Tetapi, jika kita bermula

dengan usaha kecil, ia akhirnya akan membawa kepada perubahan yang lebih besar," katanya semalam.

Para aktivis alam sekitar percaya gaya hidup sifar sisa bukanlah sesuatu yang tidak realistik atau mustahil dicapai, terutama dengan peningkatan kesedaran awam akan kesihatan planet dan kehidupan lestari.

Pengasas bersama Zero Waste Malaysia (ZWM) Khor Sae Yee berkata, 'sifar' adalah matlamat akhirnya namun belum ada sesiapa yang benar-benar mencapai sifar sisa.

"Ramai menganggap gaya hidup ini ekstrem, tetapi sebenarnya tidak. Kita hanya berusaha untuk le-

bih mengasihani alam sekitar dengan mengarangkan apa yang kita buang," katanya.

Beliau berkata, walaupun konsep itu kedengaran terlalu tinggi untuk dicapai, usaha ke arah itu tidak semestinya rumit. "Sebenarnya sangat mudah, kerana langkah kecil pun boleh membawa perubahan," katanya.

Menurut Khor, ramai yang sudah bersedia untuk mengarangkan sisa mereka, tetapi beliau tidak mahu mereka terlalu menumpukan pada usaha-usaha besar yang akhirnya membuat mereka gagal.

"Gaya hidup sifar sisa sebenarnya tentang meminimumkan sampah kita, membuat pilihan yang lebih baik, melakukan yang terbaik dan mengurangkan jumlah pembelian," katanya.

“Kebanyakan kita tahu caranya, tetapi kita memberi pelbagai alasan”
Muhammad Asyraf

7.	TAJUK	BERSIH HUTAN SECARA HARAM
	SUMBER	HARIAN METRO (11 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

lokal

Bersih hutan secara haram

JPS atau Jabatan Perhutanan Negeri digesa lakukan siasatan dakwaan kejadian di Hulu Langat

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Kerajaan negeri akan meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menyiasat dakwaan berlaku pembersihan hutan secara haram berhampiran Taman Damai, Batu 18, Hulu Langat.

Aktiviti berkenaan didakwa menjadi salah satu punca kejadian banjir berulang seperti di Jalan dan Kampung Sungai Serai, Sungai Lui, Kampung Jawa, Batu 18, Dusun Tua, Batu 14, Batu 13 serta Dusun Nanding.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu akan diteliti dan beliau akan meminta jabatan berkaitan menyiasat dakwaan terbabit.

"Kita akan lihat dahulu apa benda yang berlaku. Kita akan minta jabatan terbabit untuk siasat, yang ada kai-



AMIRUDIN (duduk tengah) diiringi Mohd Aini pada Majlis Sambutan Jubli Emas KOSAS 50 Tahun di Klang, kelmarin. - Gambar NSTP /FAIZ ANUAR

tan dengan rizab sungai akan dilakukan JPS, kalau hutan Jabatan Perhutanan akan ambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Makan Malam Sambutan Jubli Emas Koperasi Serbaguna

Anak-Anak Selangor Berhad (KOSAS) di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengerusi KOSAS Datuk Mohd Aini Mohd Taib.

Mengulas lanjut, Amirudin berkata, Projek Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2

juga disegerakan bagi menyelesaikan masalah banjir di daerah berkenaan.

Katanya, projek berkenaan masih dalam proses reka bentuk dan jika dapat diselesaikan segera, masalah banjir di Hulu Langat

akan dapat diatasi.

"Kalau ia (projek) dapat diselesaikan saya percaya ia menyelesaikan masalah banjir di Hulu Langat sebab air dari sana akan pergi ke Kuala Langat dan Sepang.

"Memang projek-projek

JPS akan mengambil masa yang panjang terutama dalam reka bentuk. Saya akan pantau sendiri supaya ikut jadual supaya tidak terlewat dan mencari solusi yang segera untuk dipercepatkan," katanya.

8.	TAJUK	MALAYSIA KOMITED TANGANI CABARAN PERUBAHAN IKLIM
	SUMBER	BH (12 DISEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	24 (BISNES)

Malaysia komited tangani cabaran perubahan iklim

Kerajaan perkenal dasar, rang undang-undang kurangkan pelepasan karbon

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Malaysia telah melaksanakan pelbagai agenda bagi menangani cabaran perubahan iklim secara sistematik dan berkesan, demikian menurut pemangku tugas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi berkata, kerajaan telah mengambil langkah untuk membangunkan satu kerangka dasar komprehensif bagi memandu tindak balas nasional.

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada tahun lalu juga katanya telah melancarkan Dasar Perubahan Iklim Negara (NCCP) 2.0, satu dasar menyeluruh yang menyatukan serta menyelaraskan semua inisiatif iklim negara termasuk pengintegrasian langkah mitigasi, adaptasi dan ketahanan merentasi semua sektor ekonomi.

NCCP 2.0 katanya turut merangkumi penubuhan satu instrumen peraturan dalam bentuk Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN).

RUUPIN yang dijangka dibentangkan di Parlimen awal tahun hadapan katanya akan memperku-



Johari (empat dari kanan) pada majlis perasmian Program UK PACT 2.0: Kerjasama Malaysia-UK untuk Peralihan iklim yang Dipercepatkan di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

kuh prinsip akauntabiliti, ketelusan dan aspirasi ke dalam rangka perundangan, memastikan komitmen iklim negara bukan sekadar bersifat aspirasi tetapi boleh dikuatkuasakan.

"Antara yang paling signifikan, RUUPIN akan memperkenalkan pasaran karbon pematuhan yang akan menyemai nilai berteraskan kelestarian dalam membuat keputusan ekonomi utama melalui mekanisme harga karbon.

"Seiring dengan itu juga, Malaysia turut memuktamadkan Dasar Pasaran Karbon Kebangsaan (DPKK). Dasar ini akan menyediakan struktur dasar yang jelas bagi kedua pasaran karbon sukarela dan pematuhan.

"Bagi memperkukuh sistem ini, kita sedang mempertingkatkan rangka kerja Pengukuran, Pelaporan dan Pengesahan (MRV), memastikan setiap tan karbon yang dikurangkan atau di-

dagangkan disokong oleh integriti dan kebolehpercayaan," katanya ketika merasmikan Program UK PACT 2.0: Kerjasama Malaysia-UK untuk Peralihan Iklim yang Dipercepatkan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Ajay Sharma CMG.

Kemuka iterasi terbaharu

Mengulas lanjut, Johari berkata, Malaysia pada Oktober lalu telah mengemukakan iterasi terbaharu *Nationally Determined Contribution (NDC 3.0)* yang menyasarkan pelepasan gas rumah kaca mencapai puncaknya antara 2029 hingga 2034.

Beliau berkata, selain itu, Malaysia turut komited untuk mencapai pengurangan pelepasan mutlak sebanyak 15 hingga 30 juta tan setara karbon dioksida (CO₂) menjelang 2035 berbanding

paras puncak.

Katanya, bagi sebuah ekonomi membangun yang masih bergantung kepada sektor intensif tenaga, beralih daripada sasaran relatif kepada sasaran mutlak merupakan satu langkah sangat berani.

"Untuk mencapai sasaran itu, Malaysia perlu meningkatkan usaha bagi mempertingkatkan penggunaan tenaga boleh baharu dalam campuran kapasiti penjaan kuasa negara serta mengurangkan lebih banyak pelepasan dalam sektor seperti logistik dan pembuatan.

"Pengurangan pelepasan mutlak sehingga 30 juta tan itu merangkumi pengurangan bersyarat sebanyak 10 juta tan yang bergantung kepada sokongan antarabangsa daripada rakan-rakan melalui pembiayaan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**